

Kerajaan digesa ganti alat pengimbas jejas kesihatan kakitangan kastam

UM - 7 OCT 2003

KUALA LUMPUR 6 Okt. — Kerajaan diminta menggantikan alat pengimbas yang digunakan oleh pihak kastam di pelabuhan di seluruh negara sekarang kerana ia menggunakan sinaran 'gamma' yang boleh menjejaskan kesihatan para pengendalinya.

Chang See Ten (BN-Gelang Patah) berkata, sinaran itu menggunakan bahan radioaktif memberi kesan negatif jangka panjang kepada petugas termasuk penyakit barah serta pencemaran alam sekitar jika berlaku kecelakaan.

Sedangkan katanya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri mahu supaya Malaysia bebas daripada penggunaan bahan radioaktif.

"Malangnya kenapa pihak kastam masih mahu membeli alat yang boleh mendatangkan masalah kepada pegawai mereka jika ia dipasang di pelabuhan-pelabuhan kita.

"Sedangkan kita boleh

memilih untuk memiliki alat pengimbas lain yang diakui oleh pakar sebagai lebih selamat," katanya ketika membahaskan Bajet 2004 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Katanya, terdapat alat pengimbas jenama Linac buatan Cina yang diakui oleh pakar sebagai lebih selamat dan bebas daripada bahan radioaktif yang boleh digunakan oleh pihak kastam.

Alat pengimbas itu kata See Ten, adalah buatan Cina dan ia jauh lebih berkesan daripada alat pengimbas buatan Amerika Syarikat (AS) yang digunakan oleh pihak kastam sekarang.

Malah kata beliau, pihak Linac juga sedia bekerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk pemindahan teknologi yang mana ia turut memberi keuntungan kepada negara.

"Tetapi saya tidak faham kenapa pihak kastam ma-

sih juga mahu menggunakan mesin buatan AS ini yang bukan sahaja membahayakan petugas tetapi tidak memberikan keuntungan kepada negara," ujarnya.

Pihak kastam juga kata beliau semasa perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2001 dan 2002 telah memberikan fakta yang tidak tepat berhubung mesin pengimbas Linac dari Cina itu, iaitu dengan menyatakan harganya RM23 juta sebuah.

Sedangkan katanya, pada Julai lalu kerajaan setuju untuk memberi dua buah pengimbas Linac dengan harga lebih kurang RM20 juta.

"Ini bermakna Linac berharga lebih kurang RM10 juta sebuah dan harga pengimbas gama RM7 juta sebuah."